



GARIS PANDUAN SEMAKAN KEPUTUSAN PERMOHONAN

PENGAMBILAN PELAJAR BAHARU KOLEJ PROFESIONAL MARA (KPM)

PROGRAM DIPLOMA KEMASUKAN JANUARI 2020

A. MAKLUMAT SEMAKAN KEPUTUSAN PERMOHONAN

1. Semakan keputusan permohonan hendaklah dibuat secara atas talian (*online*) di laman web MARA <http://www.mara.gov.my> ATAU di Portal UPIM <http://apponline.mara.gov.my/upimonline/> mulai **25 November 2019 (Isnin) selepas jam 3.00 petang** hingga **13 Disember 2019 (Jumaat) sehingga jam 5.00 petang**.
2. Pemohon perlu membuat semakan keputusan permohonan berpandukan tatacara yang telah ditetapkan oleh UPIM, Bahagian Pendidikan Tinggi MARA (BPT).

B. TATACARA SEMAKAN, BAYARAN DAN PENGESAHAN SETUJU TERIMA TAWARAN

1. Pemohon perlu layari laman web MARA ATAU Portal UPIM seperti yang dinyatakan di A(1).
2. Sila masukkan nombor kad pengenalan pemohon.
3. Sila semak status permohonan adalah sama ada Berjaya atau tidak. Sekiranya Tidak Berjaya, pemohon boleh mengemukakan Rayuan secara atas talian.
4. Sekiranya bersetuju untuk menerima tawaran, pemohon perlu membuat bayaran sebanyak **RM320.00** menerusi perkhidmatan bayaran elektronik MARAeps di <https://bayar.maraeps.my> ATAU bayaran secara tunai di kaunter bayaran Pejabat MARA Negeri / Pejabat MARA Daerah; dengan menggunakan nombor akaun yang dinyatakan di paparan slip tawaran, sebagai contoh (001-118-PPP-72204).
5. Selepas pembayaran Berjaya dilaksanakan, layari kembali laman web MARA ATAU Portal UPIM seperti yang dinyatakan di A(1), kemudian klik butang Setuju Terima Tawaran.
6. Pemohon wajib memasukkan nombor resit bayaran ATAU nombor rujukan bayaran di ruangan yang disediakan dan klik butang Hantar.
7. Pemohon kemudian perlu klik butang Cetak Surat Tawaran dan diikuti dengan klik butang Muat Turun untuk mendapatkan Salinan Surat Tawaran & Senarai Semak Pendaftaran Pelajar Baharu / Dokumen cetakan berkomputer.
8. Pemohon wajib untuk mencetak kedua-dua dokumen tersebut, baca serta fahamkan butiran yang tertera di dalam Buku Panduan Pendaftaran Pelajar.

C: TATACARA PEMBAYARAN MELALUI PERKHIDMATAN BAYARAN ELEKTRONIK MARAeps



LANGKAH-LANGKAH PEMBAYARAN YURAN MELALUI MARAEPS



Muat Turun Aplikasi MARAeps melalui



PERINGATAN! Untuk memastikan kelancaran transaksi sila pastikan anda tidak menutup halaman website sebelum anda sampai kembali kepada halaman resit pembayaran MARAeps.

Pertanyaan : 03-27711271 / infomaraeps@mara.gov.my

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh menghubungi talian seperti berikut:-

Unit Pengambilan, Bahagian Pendidikan Tinggi MARA,
Tingkat 12, Bangunan Ibu Pejabat MARA,
Jalan MARA, 50609 Kuala Lumpur.

Telefon : 03-26134074 / 03-26134075 / 03-26134076 / 03-26134077 / 03-26134081

Emel : upim.bpt@mara.gov.my

Facebook : Hi-Edu MARA - Kolej Profesional MARA

Twitter : Hi Edu MARA

Telegram : Hi Edu MARA

Instagram : Hi Edu MARA

Portal UPIM : <http://apponline.mara.gov.my/upimonline/>

WhatsApp : +6011-58521184

Muat turun aplikasi telefon pintar melalui aplikasi *Google Play Store*: Kolej Profesional MARA

WAKTU URUSAN		
HARI	Isnin hingga Khamis	Jumaat
MASA	9.00 pagi – 1.00 tengah hari	9.00 pagi – 12.15 tengah hari
REHAT	1.00 tengah hari – 2.00 petang	12.15 tengah hari – 2.45 petang
MASA	2.00 petang – 4.30 petang	2.45 petang – 4.30 petang
TUTUP PADA SABTU, AHAD DAN CUTI KELEPASAN AM		